

**Muhyiddin Ucap Takziah Kepada Keluarga Dr A. Rahman Mokhtar
Bernama
26 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengucapkan takziah kepada keluarga anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Besut Dr A. Rahman Mokhtar yang meninggal dunia Rabu.

"Sama-sama kita sedekahkan Al-Fatihah kepada Allahyarham dan semoga beliau ditempatkan bersama-sama orang yang beriman," katanya dalam SMS kepada Bernama hari ini.

Muhyiddin menyifatkan arwah sebagai seorang yang berdedikasi dan sentiasa komited dalam membantu rakyat.

A. Rahman, 55, meninggal dunia pukul 10.18 pagi di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu akibat kanser paru-paru.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Kesihatan, Wanita dan Masyarakat negeri Terengganu itu meninggal dunia akibat kegagalan pernafasan selepas seminggu menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi hospital itu.

Pada pilihan raya umum ke-13 pada 5 Mei lepas, beliau mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Kuala Besut mengalahkan calon PAS Napisah Ismail dengan majoriti 2,434 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959092>